

04/02/2000

Pemimpin Umno diberi maklumat

Kadir Dikoh; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR Khamis - Umno akan mengadakan sesi penjelasan serta memperlengkapkan pemimpin dan ahlinya dengan maklumat bagi menjawab segala tuduhan atau fitnah terhadap parti.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Umno juga akan memastikan mereka menerima maklumat secukupnya bagi membolehkan mereka menangkis segala khabar angin yang sengaja disebar untuk melemahkan parti dan kerajaan.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, langkah itu bertujuan memulihkan semula kekuatan Umno yang terjejas akibat pelbagai fitnah dan khabar angin disebar oleh pihak tertentu.

"Kita tahu Umno masih mendapat sokongan besar rakyat tetapi kita dapati ramai juga ahli parti yang sukar untuk memberi penerangan mengenai sesuatu tuduhan kerana mereka tidak dapat maklumat penuh.

"Banyak tuduhan yang dilempar terhadap Umno seperti rasuah membabitkan pemimpin parti, salah guna wang kerajaan, projek mega dan sebagainya yang mana kadang-kadang sukar dijawab dengan tepat.

"Untuk ini kita akan adakan sesi-sesi tertentu bagi memberi penjelasan supaya pemimpin Umno terutamanya akan tahu bagaimana menjawab tuduhan terhadap parti," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, penekanan turut diberikan bagi menangkis khabar angin yang biasanya membabitkan soal kesihatan beliau seperti sering disebar oleh pihak tertentu.

Katanya, pemimpin dan ahli Umno akan diberi maklumat lengkap supaya mereka dapat menafikan khabar angin sedemikian walaupun selama ini mereka diingatkan supaya tidak mempercayainya.

"Sebagai contoh sewaktu saya berada di luar negeri ada khabar angin mengatakan saya jatuh kuda, saya sakit teruk dan sebagainya. Bila ditanya ahli atau pemimpin Umno, mereka sukar jawab kerana mereka tidak dapat maklumat tepat," katanya.

Khabar angin mengatakan Dr Mahathir terjatuh kuda sehingga sakit tenat atau meninggal dunia ketika bercuti di Argentina baru-baru ini tersebar luas terutama di laman web golongan penentang kerajaan.

Pada satu ketika, khabar angin itu tersebar begitu meluas sehingga menjejaskan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan memaksa Dr Mahathir membuat kenyataan bagi menafikannya ketika beliau meneruskan percutiannya di London.

Perdana Menteri menyifatkan khabar angin sengaja disebar oleh pihak tertentu yang tidak senang melihat kejayaan kerajaan memulihkan ekonomi negara daripada kegawatan yang dicetuskan pedagang mata wang.

(END)